

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK DR. HASAN BIN BAHROM  
[ TAMPIN ]**

**SOALAN :**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh manakah penglibatan masyarakat luar bandar dengan aktiviti mempromosikan kampung-kampung mereka, disamping usaha-usaha promosi yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian. Terutamanya 'trend' pelancongan masa kini iaitu berkonsepkan pelancongan unik di luar bandar seperti 'homestay' atau inap-desa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Program Pengalaman Homestay Malaysia di bawah Kementerian ini dibangunkan melalui Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar yang bermatlamat untuk meningkatkan pendapatan serta taraf hidup masyarakat luar bandar. Program Pengalaman Homestay Malaysia yang berdaftar di bawah program ini tidak terhad kepada perkhidmatan lojing sahaja seperti premis penginapan pelancongan yang lain tetapi turut mengambil kira aktiviti-aktiviti pelancongan berasaskan komuniti seperti sukan rakyat, acara kebudayaan, rewang, perayaan dan sebagainya.

Oleh itu, premis penginapan yang ditawarkan merupakan rumah kediaman masyarakat luar bandar itu sendiri yang kebanyakannya adalah rumah-rumah tradisional yang memberikan pengalaman unik kepada pelancong untuk tinggal bersama keluarga tuan rumah dan berpeluang

untuk berinteraksi serta mengalami gaya hidup seharian dan kebudayaan masyarakat kampung.

Program dan aktiviti yang melibatkan pengusaha Program Pengalaman Homestay Malaysia dan masyarakat luar bandar yang telah dilaksanakan pada tahun 2018 antaranya adalah seperti berikut:

1. Promosi dan pemasaran Program Pengalaman Homestay Malaysia sempena Malaysian Inbound Tourism Association (MITA) Travel Fair. Program ini adalah kerjasama antara Persatuan Kampungstay dan Program Pengalaman Homestay Malaysia yang melibatkan seramai 29 peserta Program Pengalaman Homestay;
2. Promosi *Visit My Kampung* sempena Ekspo Muafakat Kedah melibatkan 40 orang peserta Program Pengalaman Homestay Malaysia;
3. Promosi *Visit My Kampung* Sematan sempena *Program Road to MAHA* anjuran Kementerian Industri Asas Tani (MOA) melibatkan 30 orang peserta Program Pengalaman Homestay Malaysia;
4. Promosi Program Pengalaman Homestay Malaysia Sempena Pesta Angin Timur 2018, kerjasama di antara Kerajaan Negeri Perlis dan Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Perlis melibatkan 12 orang peserta Program Pengalaman Homestay Malaysia;
5. Karnival Usahawanita *Road to MAHA* 2018 anjuran Kementerian Industri Asas Tani (MOA) melibatkan 15 orang peserta Program Pengalaman Homestay Malaysia;
6. Karnival Pelancongan Padang Rengas melibatkan 40 orang peserta Program Pengalaman Homestay Malaysia; dan
7. Promosi Program Pengalaman Homestay Malaysia sempena Fiesta Sayangi Lahad Datu@Silam 2018 dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah dan Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN) melibatkan 30 orang peserta Program Pengalaman Homestay Malaysia.

**NO. SOALAN : 160**

Sehingga kini, seramai 4,070 pengusaha Program Pengalaman Homestay Malaysia yang menawarkan 5,712 buah bilik telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Bagi tempoh Januari sehingga 31 Disember 2018, seramai 372,475 orang pelancong telah melawat homestay-homestay di seluruh negara yang telah menjana pendapatan sebanyak RM27.6juta.

Daripada jumlah tersebut dapat dilihat penglibatan secara terus oleh pengusaha Program Pengalaman Homestay Malaysia dan juga masyarakat luar bandar di mana ia telah meningkatkan pendapatan khususnya Program Pengalaman Homestay Malaysia melalui program dan aktiviti promosi yang telah dilaksanakan pada tahun 2018.

Sekian, terima kasih.